

29 APR 2004

Mahathir-Pustaka (Bergambar)

DR MAHATHIR LANCAR PUSTAKA PERDANA

PUTRAJAYA, 29 April (Bernama) -- Pustaka Perdana, sebuah perpustakaan digital yang menyimpan warisan khazanah dalam pelbagai bentuk dokumen mengenai riwayat, dasar, program serta visi kesemua empat bekas Perdana Menteri, dilancarkan hari ini oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perpustakaan itu, projek utama Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP), yang bangunannya terletak di Presint 8 di sini, bakal mengumpulkan antaranya, koleksi buku-buku, monograf, rekod, ucapan, kertas dasar, keratan akhbar dan ucapan bekas pemimpin negara.

Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata koleksi itu dihasilkan ketika Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir menerajui kerajaan sejak merdeka.

Beliau berkata perpustakaan itu akan mengumpulkan satu koleksi komprehensif yang dapat dijadikan sumber rujukan bagi penyelidik, penulis dan orang ramai yang ingin mengetahui dasar dan pendekatan pemimpin dalam mencorakkan pembangunan negara.

"Perpustakaan ini akan dibangunkan menjadi pusat sumber utama dan terulung bagi coretan sejarah perkembangan dan pergolakan politik, sosial dan ekonomi yang dihadapi pucuk pimpinan negara," kata Azizan yang juga pengerusi YKP pada majlis pelancaran perpustakaan itu.

Beliau berkata operasi Pustaka Perdana akan dibiayai oleh sebahagian daripada dana YKP, sebuah tabung dana hasil sumbangan 26 buah syarikat korporat yang masing-masing menyumbang RM1 juta.

Selain daripada projek perpustakaan itu, YKP katanya, merancang beberapa program bertujuan menghayati warisan pemikiran bekas Perdana Menteri.

"(Untuk tujuan itu) satu siri 10 syarahan sedang diatur untuk dilaksanakan mulai Jun," katanya, sambil menjelaskan bahawa pihak yayasan juga akan menaja beberapa penyelidikan, kolokium, dan bengkel bertujuan menjelaskan khazanah koleksi perpustakaan itu.

Keanggotaan Pustaka Perdana adalah terbuka kepada individu yang berumur 18 tahun ke atas. Kemudahan pinjaman buku disediakan.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan portal perpustakaan iaitu <http://library.perdana.org.my:8000>.

Melalui portal itu, Pustaka Perdana boleh diakses secara dalam talian oleh pengguna internet yang ingin mengetahui perkhidmatan lain yang disediakan.

-- BERNAMA

RIZ RON